

JOM SIHAT@PTAR UiTM CAWANGAN PULAU PINANG 2023

6 JULAI 2023

Disediakan oleh: Rafidah Muhamad Sam

BULETIN
IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS PERMATANG PAUH, PULAU PINANG



JOM SIHAT@PTAR
6 Julai 2023 | Khamis | PTAR UiTM CPP
8.30 pagi - 4.00 petang

- 8.30 PG - SENAMROBIK
- 9.00 PG - DERMA DARAH
- 9.00 PG - PHYSIO MASSAGE
- 10.00 PG - Read@UiTM: SESI PERKONGSIAN BUKU (Sports Injury Prevention)

Semua Warga UiTM dijemput hadir
Jam Latihan/e-aktiviti disediakan

Anjuran Bersama
Physio Student Association (PHYTAS)
Unit Kesihatan UiTM CPP
Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani, Kedah

Pada 6 Julai 2023, PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP) Kampus Permatang Pauh dengan kerjasama Physio Student Association (PHYTAS) Kampus Bertam, Unit Kesihatan UiTM CPP dan Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani, Kedah telah mengadakan program Jom Sihat@PTAR. Program yang berlangsung pada jam 8.30 pagi ini merupakan salah satu platform perkongsian ilmu serta penyampaian informasi mengenai kesihatan kepada warga kampus.

Program telah dimulakan dengan acara senamrobik bertempat di parkir kenderaan berhadapan dengan bangunan perpustakaan dan dikendalikan oleh pelajar-pelajar PHYTAS, UiTM Kampus Bertam. Sesi yang berlangsung selama 1 jam ini telah disertai oleh 58 orang peserta yang terdiri daripada para pelajar, staf akademik dan staf pentadbiran UiTM CPP.

Program Jom Sihat@PTAR diteruskan dengan Program Read@UiTM: Sesi Perkongsian Buku bersama Encik Mohamad Hafiz Abu Seman, pensyarah Fakulti Sains Kesihatan, UiTM CPP Kampus Bertam. Beliau telah membuat perkongsian buku yang bertajuk "Sports Injury Prevention" oleh Profesor Roald Bahr dan Profesor Lars Engebretsen. Antara perkongsian yang telah disampaikan adalah kepentingan mengelak kecederaan serta cara mengurus kecederaan di dalam sukan.

Sementara itu, penyertaan bagi program derma darah turut menggalakkan. Dianggarkan seramai 50 orang peserta telah menderma darah bermula jam 9.30 pagi hingga 3.00 petang.

Program Jom Sihat@PTAR ini juga membawakan perkhidmatan Physio Massage oleh Physio Student Association (PHYTAS) UiTM CPP Kampus Bertam kepada pelajar dan staf UiTM CPP dengan kadar bayaran yang berpatutan. Seramai 49 orang warga UiTM CPP telah mendapatkan perkhidmatan pelbagai urutan yang diadakan di Bilik Raudah, PTAR bagi pelanggan lelaki dan Bilik Tayangan, PTAR bagi pelanggan wanita.